

31,873 pelajar daftar masuk 10 universiti

» 37,467 terima tawaran lanjut pelajaran sesi Sesi Akademik 2014/2015

Oleh Mohd Azrone Sarabatin, Suzalina Halid, Hafizudin Mohd Safar, Mohd Rafi Mamat, Nor Amalina Alias, Kalsom Rahmathulah, Faizul Azlan Razak, Nurul Hidayah Bahaudin dan Nor Hana Kadri
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Seramai 31,873 penuntut baharu mula mendaftar di 10 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara semalam.

Mereka diterima masuk bagi mengikuti pelbagai program aliran sains dan sastera bagi Sesi Akademik 2014/2015.

Secara keseluruhan, seramai 37,467 pelajar menerima tawaran melanjutkan pengajian di IPTA bagi Sesi Akademik 2014/2015 yang mana 26,030 atau 69 peratus adalah wanita manakala 11,437 atau 31 peratus adalah lelaki.

Di **Selangor**, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, berkata seramai 4,154 penuntut baharu mendaftar di IPTA itu semalam.

Mereka akan mengikuti 75 program di 13 fakulti iaitu sembilan daripada Kampus Induk, Bangi dan empat Kampus Kuala Lumpur membabitkan 51 program ijazah sains dan 24 sastera.

Seramai 4,659 pelajar baharu turut

mendaftar di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, semalam.

Di **Kangar**, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin, berkata, IPTA itu menerima 2,538 penuntut baharu membabitkan 1,006 lelaki dan 1,532 perempuan.

Pengambilan terbesar pelajar Katanya, Sesi Akademik 2014/2015 melihat pengambilan terbesar sejak penubuhan UniMAP pada tahun 2001 bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra, beramah mesra sebelum bersantap bersama anggota keluarga dan pelajar baharu.

Di **Georgetown**, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Datuk Dr Omar Osman, berkata seramai 4,083 pelajar baharu termasuk 31 pelajar antarabangsa dari 15 negara mendaftar di IPTA itu semalam.

Seramai 2,919 mendaftar di kampus induk di Pulau Pinang manakala 519 pelajar mendaftar di Kampus Kejuruteraan USM di Nibong Tebal dan 645 pelajar mendaftar di Kampus Kesihatan USM di Kubang Kerian, Kelantan.

Di **Kedah**, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Is-hak, berkata seramai 3,109 pelajar tempatan menyambung pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda melalui 39 program ditawarkan di situ.

Katanya, daripada 3,109 pelajar tempatan itu, 2,411 (77.55 peratus) adalah wanita dan baki 698 pula lelaki (22.45 peratus).

Di **Kuantan**, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata IPTA itu menerima 1,952 pelajar baharu untuk melanjutkan pengajian memba-



26,030 pelajar perempuan mendaftar sesi akademik 2014/2015

Raduan (baju merah) beramah mesra dengan pelajar baharu UMK yang mendaftar semalam.

bitkan kampus Kuala Pahang, Pekan dan Gambang, semalam.

Pelajar terbabit terdiri daripada 937 lelaki dan 1,015 perempuan termasuk 34 pelajar antarabangsa dan ialah pelajar Orang Asli.

Di **Kuala Terengganu**, Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Prof Datuk Dr Yahaya Ibrahim, berkata 1,327 termasuk lapan pelajar antarabangsa mendaftar sesi pengajian 2014-2015.

Katanya, jumlah itu membabitkan 373 lelaki dan 954 perempuan.

Di **Kuching**, 2,600 daripada 4,000 pelajar baharu mendaftar di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Timbalan Pengarah Minggu Aluan Pelajar UNIMAS, Jaiyogesh Ramesh Patel, berkata seramai 1,000 lagi pelajar baharu dari Semenanjung dijadualkan tiba hari ini bagi pendaftaran yang berlangsung selama seminggu.

Terima iPad percuma

Di **Kota Bharu**, Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Datuk Raduan Che Rose, berkata 2,600 pelajar baharu mendaftar semalam manakala 500 lagi dijangka berbuat demikian minggu depan.

Katanya, semua pelajar baharu itu akan menerima iPad percuma bagi membolehkan mereka mengikuti kuliah secara maya. Sebanyak 25 program ditawarkan di UMK di kampus Kota, Jeli dan Bachok.

Di **Kota Kinabalu**, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, berkata 4,851 pelajar baharu mendaftar di IPTA itu semalam dengan 3,376 adalah perempuan manakala 1,475 lelaki.

Bilangan pelajar sastera adalah seramai 2,681 manakala 1,990 (sains) dan enam pelajar orang kurang upaya (OKU).



Mohamed Mustafa (kanan) beramah mesra dengan pelajar di Dewan Penginapan Pelajar (DPP) semalam.

Sesi pendaftaran pelajar di UKM, Bangi.



Sebahagian daripada pelajar baharu yang akan mendaftar di UNIMAS tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK), semalam.

